

ICAKL 2017 bertaraf global

PERSIDANGAN Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) Global mencatatkan sejarah apabila buat pertama kali diadakan di negara ini yang menyaksikan seramai 1,800 perwakilan dari dalam dan luar negara menghadiri ICA 2017.

Dengan tema Memartabatkan Masyarakat Dalam Arus Pembangunan, ICA bukan sahaja menyasarkan manfaat ekonomi malah, integrasi model perniagaan dan prinsip koperasi kepada rangkaian bekalan serta menghapuskan orang tengah.

Persidangan itu mendapat sambutan hangat dengan penyertaan 100 daripada 105 negara yang berdaftar dengan ICA seperti China, Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan Kanada.

Acara dwitahunan yang bermula sejak tahun 1985 itu dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin di Sunway Resort Hotel & Spa, Selangor pada 14 November lalu.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad



International Co-operative Alliance
Global Conference and General Assembly
Co-operatives: Putting People at the Centre of Development
16-17 November 2017 | Kuala Lumpur, Malaysia
www.malaysia2017.info



(Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pelbagai program dan aktiviti dianjurkan bersempena persidangan tersebut, antaranya pembentangan 34 kertas kerja yang meliputi pelbagai sektor seperti perumahan, kesihatan, belia, pendidikan selain isu-isu semasa seperti isu pelarian dan pekerja asing.

"Kita akan lihat bagaimana koperasi boleh membantu golongan peliaran di negara masing-masing. Kita juga akan membincangkan perkara berkaitan polisi-polisi negara yang perlu diketengahkan dalam persidangan tersebut."

"Perbincangan ini akan menjadi resolusi pada negara masing-masing dan diangkat kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO)," katanya kepada pemberita baru-baru ini.



HAMZAH (tengah) bersalaman dengan para perwakilan yang menghadiri ICA 2017 di Sunway Resort Hotel & Spa, Selangor baru-baru ini.

Tambahnya, Malaysia akan berkontribusi pengalaman sebagai rujukan untuk negara-negara lain.

"Kekuatan kita ialah produk-produk halal, kewangan Islam dan penyediaan koperasi sekolah yang hanya terdapat di negara ini."

"Walaupun sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar masih sedikit tetapi polisi, dasar dan undang-undang negara kita lebih ketemps dan teratur," jelasnya.

Dua tetamu khas iaitu be-

kas Perdana Menteri wanita Norway pertama, Gro Harlem Brundtland dan Ahli Forum Ekonomi Dunia, Linda Yueh hadir memberi ucaptama pada persidangan tersebut.

Menurut Abdul Fattah, persidangan itu juga menyaksikan pemilihan dibuat untuk jawatan Presiden ICA antara dua calon, Ariel Guarco dari Argentina dan Yogeshwar Krishna dari Fiji selain beberapa penjawatan lain termasuk 15 Ahli Lembaga Pengarah ICA pada 17 November (hari ini).

"Calon Malaysia, Datuk Kamarudin Ismail yang merupakan Timbalan Presiden Angkasa bakal bertanding jawatan Ahli Lembaga Pengarah ICA bagi sesi 2017 hingga 2021. Beliau juga telah dipilih sebagai Ahli Jawatankuasa International Co-operative Agriculture Organisation (ICAO)," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdul Fattah memberitahu, ICA turut menganjurkan Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) dari 15 hingga 19 November ini di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid yang mana 162 gerai dibuka termasuk 20 gerai antarabangsa.

"Kita memberi peluang kepada koperasi-koperasi yang mempunyai kemampuan untuk memasarkan produk peringkat antarabangsa dan produk-produk yang dijual mestilah ada sijil-sijil berkenaan."

"Nilai transaksi untuk MACCOPS dijangka mencecah AS\$50 juta (RM200 juta). Selain itu, kita turut menganjurkan pelbagai aktiviti menarik seperti demonstrasi masakan, pertunjukan kebudayaan dan cabutan bertuah yang menawarkan hadiah sebuah kereta Proton Iriz kepada para pengunjung," katanya.